



Received: 2022-06-15

Accepted: 2022-06-28

Published: 2022-06-30

Original Article**Analisis Metode Penerangan Hadith Ber'illah Dalam Sahih Muslim Menurut Ḥamzah Al-Malyabārī*****Analysis Method of Explaining Hadith Al-'Ilal In Sahih Muslim According to Hamzah Al-Malyabārī*****Ibrahim Adham Mohd Rokhibi^{a*} & Khadher Ahmad^a**^a Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia.* Corresponding author, email: ibrahimadhamkibi@gmail.com**ABSTRACT**

Ṣaḥīḥ Muslim is one of the greatest manuscript in Hadith and studies of transmitter. Many researches had come out that amid methodology of Imam Muslim, the most significant one is to accommodate the authentic hadith in early chapter. However, Imam Muslim's method towards compilation of authentic hadith in his *Ṣaḥīḥ* is various, and it has a very high purpose and intellectual value to explain the existense of deficiencies in the text or the chain of hadith (*ilal hadith*). Starting from that, this article aims to analyze the method of explanation of ilal hadith in *Ṣaḥīḥ Muslim* according to Ḥamzah al-Malyabārī. The analysis was conducted with reference to the books of 'ilal as well as studies related to the methodology of *Ṣaḥīḥ Muslim*. The result of this research can clarify the community's misunderstanding of this book and can be used by current hadith researchers in interacting with the hadiths of *Ṣaḥīḥ Muslim*.

Keywords: 'illah; hadith; methodology; *Ṣaḥīḥ Muslim*; Ḥamzah al-Malyabārī**Pengenalan**

Kajian metodologi penulisan karya-karya hadith terutamanya *Ṣaḥīḥ Muslim* amat perlu untuk diteliti dan ditelaah dengan lebih mendalam. Hal ini kerana setiap penulisan mempunyai metodologi tersendiri.¹ Sebagai contoh, Abū Ja'far al-Taḥāwī menulis kitabnya *Sharḥ Ma'ānī al-Athār* bagi menjawab percanggahan hadith yang berlaku dalam bentuk permasalahan fiqh.² Begitu juga penulisan *Ṣaḥīḥ Muslim*, penulisannya berbeza dengan penulisan imam kutub sittah yang lain kerana Imam Muslim menulis sahihnya dengan diletakkan muqaddimah kitab. Bahkan,

¹ Fauzi Deraman, "Metodologi Muḥaddithīn: Suatu Sorotan", *Jurnal Usuluddin* 12 (2000), 1.

² Rohaizan Baru, "Mukhtalif Al-Hadith: Wacana Perbahasan Kontradiksi Hadith", *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari*, 1 (2014), 30-31.

Imam Muslim menyusun kitab sahihnya dalam suatu bentuk yang unik dan kreatif.³ Oleh itu, menarik untuk dilakukan penelitian kerana sebelum ini diketahui bahawa *Şahīh Muslim* sebagai karya yang hanya menghimpunkan hadith-hadith sahih sahaja. Realitinya, Imam Muslim hanya memuatkan hadith-hadith berstatus sahih sebagai hadith usul tetapi hadith-hadith yang berstatus lebih rendah daripada itu turut dimuatkan oleh beliau kerana hendak menerangkan ‘illah sesuatu hadith.⁴

Namun demikian, perbahasan ‘illah dalam *Şahīh Muslim* jarang dibahaskan dalam wacana hadith di Malaysia. Kebanyakan pengkaji semasa hanya memfokuskan kepada kajian-kajian berbentuk tematik terhadap hadith-hadith *Şahīh Muslim*. Faktor ini adalah disebabkan *Şahīh Muslim* dianggap kitab hadith yang paling sahih setelah *Şahīh al-Bukhārī*. Bahkan, para ulama telah bersepakat dalam perkara ini.⁵ Tetapi, kajian mendapati bahawa dari satu sudut pendekatan ini sesuai apabila melibatkan masyarakat awam. Dalam masa yang sama, dari sudut yang lain pula merungkai permasalahan ‘illah terhadap hadith-hadith *Şahīh Muslim* adalah penting kerana perkara ini memang disebutkan oleh Imam Muslim dalam muqaddimah sahihnya. Beliau berkata:

وَسَنَزِيدُ إِنْ شَاءُ مُتَعَالِي شَرْحًا وَإِيضاً حَمْلًا فِي مَوَاضِعَ مِنَ الْكِتَابِ عِنْدَ ذِكْرِ
الْأَخْبَارِ الْمُعَلَّةِ

Terjemahan: Dan kami akan menambah -insyaAllah- syarahan dan penjelasan pada tempat-tempat tertentu dalam kitab ini ketika hendak menyebutkan hadith-hadith yang berillat.⁶

Maka, ini menunjukkan bahawa penyusunan hadith-hadith di dalam sahihnya terkadang boleh berubah kerana tujuannya untuk menerangkan ‘illah pada hadith berkenaan. Oleh itu, beliau menegaskan bahawa perlunya pengulangan hadith bagi menjelaskan keberadaan ‘illah pada sesuatu hadith, kerana terdapat faedah yang boleh diambil daripada pengulangan tersebut sama ada pada sanad ataupun matan.⁷

Oleh itu, antara tokoh yang menonjol membahaskan perkara ini adalah Ḥamzah al-Malyabārī. Beliau adalah anak kelahiran Kannur yang terletak di daerah Kerala, Selatan India pada tahun 1952. Beliau dilahirkan dalam keadaan yatim. Beliau telah pun berkahwin dan mempunyai empat orang anak.⁸ Beliau dikenali sebagai seorang yang kritis dan sentiasa

³ Mohd Faiz Hakimi Mat Idris, Ishak Suliaman, Ahmad Zahid Salleh, Sofyuddin Yusof, Abdillah Hisham Abdul Wahab, Mohd A'Tarrahim Mohd Razali & Nor Hafizi Yusof, "Metodologi Imam Muslim dalam Penyusunan Teks Hadith dalam Sahihnya.", *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 10.1 (2015), 75.

⁴ Muḥammad ‘Awwāmah, *Min Manhaj al-Imām Muslim fī ‘Araqī al-Hadīth al-Mu’allal fī Şahīhihi* (Jeddah: Dār al-Minhāj, 2017), 21-24.

⁵ Muhyī al-Yaḥyā bin Sharaf al-Nawawī, *al-Minhāj Sharḥ Şahīh Muslim bin al-Ḥajjāj* (Beirût: Dār Iḥyā' al-Turāth al-‘Arabī, 1392), 1: 14.

⁶ Muslim bin al-Hajjaj, *al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar bi Naql al-‘Adl ‘an al-‘Adl ila Rasulillah SAW*, ed. Muhammad Fu’ad ‘Abd al-Baqi (Beirut: Dar Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabī, t.t), 1: 7.

⁷ ‘Āshūr Dihnī, "Manhaj al-Imām Muslim bin al-Ḥajjāj fī Dhikr al-Akhbār al-Mu’allalah min Khilāl Kitābih al-Musnad al-Şahīh", (disertasi sarjana, Universiti Bātinah, Algeria, 2005), 122.

⁸ Abū Khālid al-Imārātī, "Tarjamah al-Mūjizah li al-Shaykh Ḥamzah al-Malyabārī", laman sesawang *Multaqā Ahl al-Hadīth*, dicapai 31 Mei 2020, <http://www.ahlalhdeeth.com/~ahl/vb/showthread.php?s=a4da12b0cdbe845852eb9c9672915d3d&t=3662>.

mempertahankan metodologi ulama *mutaqaddimīn*⁹. Keperibadian beliau yang tidak gemar kepada kontroversi dapat dilihat melalui penulisan-penulisan yang beliau hasilkan. Pada tahun 1982 Ḥamzah al-Malyabārī menyambung pengajiannya di peringkat doktor falsafah di Universiti Umm al-Qurā. Selama enam tahun beliau belajar di sana dan akhirnya membentuk gaya pemahaman beliau dalam bidang hadith yang cenderung dengan metodologi aliran kritik hadith *mutaqaddimīn*.¹⁰

Skop dan Metodologi Kajian

Kajian ini bersifat kajian kualitatif yang menggunakan metode pengumpulan data melalui kajian kepustakaan. Kesemua data yang terkumpul akan dianalisis mengguna pakai kaedah induktif dan deduktif. Pendekatan ini dilakukan ke atas karya-karya tokoh Ḥamzah al-Malyabārī serta muqaddimah kitab *Ṣaḥīḥ Muslim* bagi mendapatkan sudut pandang Ḥamzah al-Malyabārī terhadap metode penerangan ‘illah di sisi Imam Muslim. Dalam masa yang sama, kaedah analisis dokumen turut diguna pakai bagi memberikan maklumat yang relevan kepada isu dan masalah yang dikaji.

Kajian memfokuskan perbahasan kajian terhadap pendekatan Ḥamzah al-Malyabārī dalam memahami metode penerangan ‘illah dalam *Ṣaḥīḥ Muslim*. Penelitian dibuat berdasarkan kepada tema hadith terpilih iaitu kelebihan solat di Masjid Nabi SAW. Di peringkat awal perbahasan, kajian akan memperkenalkan terlebih dahulu tokoh terpilih iaitu Ḥamzah al-Malyabārī. Antara perkara yang akan disentuh ialah latar belakang kehidupan yang merangkumi nama, gelaran, kelahiran, perjalanan pendidikan dan lain-lain. Seterusnya, pengkaji menumpukan analisis kepada tema hadis terpilih tersebut berdasarkan idea dan sudut pandang Ḥamzah al-Malyabārī dengan merujuk kepada ketetapan yang dilakukan oleh Imam Muslim dalam muqaddimahnya.

Dapatan Kajian

Kaedah Penyusunan Hadith Dalam *Ṣaḥīḥ Muslim*

Metodologi penyusunan hadith yang paling terkenal oleh Imam Muslim adalah sentiasa mendahulukan hadith-hadith daripada kategori pertama dalam sahihnya. Perkara ini bermaksud beliau akan meletakkan hadith-hadith yang paling sahih di awal bab. Di samping itu, beliau gemar menghimpunkan jalur-jalur riwayat dalam sahihnya. Oleh itu, membuktikan bahawa beliau amat memberikan perhatian yang tinggi terhadap aspek sanad.

Meskipun begitu, metodologi penyusunannya akan berubah apabila beliau hendak menerangkan ‘illah. Apabila terdapat ‘illah dalam sesuatu hadith maka beliau akan mendahulukan hadith yang lemah terlebih dahulu kemudian diikuti dengan hadith yang lebih kuat. Dalam muqaddimahnya, beliau menegaskan bahawa:

وَسَنِّيْدُ إِنْ شَاءَ ُتَعَالَى شَرْحًا وَإِيْضًا فِي مَوَاضِعِ مِنَ الْكِتَابِ عِنْدَ ذِكْرِ الْأَحْبَارِ الْمُعَلَّةِ

⁹ Istilah ulama *mutaqaddimīn* bermaksud ahli hadith yang berada dalam fasa *riwāyah*. Mereka hidup pada masa-masa formatif ilmu hadith yang seiringan dengan proses-proses pengumpulan, penapisan dan pembukuan hadith. (Umar Muhammad Noor, 2016).

¹⁰ *Ibid.*

Terjemahan: Dan kami akan menambah -insyaAllah- syarahan dan penjelasan pada tempat-tempat tertentu dalam kitab ini ketika hendak menyebutkan hadith-hadith yang berillat.¹¹

Berdasarkan kepada perkataan Imam Muslim di atas, maka menunjukkan bahawa susunan hadith-hadith dalam sahihnya akan berubah apabila beliau hendak menerangkan ‘illah pada sesuatu hadith. Oleh itu, beliau menegaskan bahawa perlunya pengulangan hadith bagi menjelaskan keberadaan ‘illah pada sesuatu hadith, kerana terdapat faedah yang boleh diambil daripada pengulangan tersebut sama ada pada sanad ataupun matan.¹²

Perkara utama yang dapat difokuskan di sini adalah penyusunan hadith-hadith di dalam sahihnya amat berkait rapat dengan ‘illah dan bagaimana ‘illah tersebut didedahkan serta dijelaskan oleh beliau melalui susunan hadith-hadith. Kajian mendapati penyusunan hadith dalam *Şahih Muslim* dapat diperincikan kepada dua bahagian. Pertama, adalah susunan yang melibatkan ‘illah pada sanad dan kedua susunan yang melibatkan ‘illah pada matan.

Penerangan ‘illah Pada Sanad Menurut Imam Muslim

Praktik kebiasaan Imam Muslim ketika menyusun hadith-hadith dalam sahihnya adalah beliau akan mendahulukan hadith-hadith yang paling sahih terlebih dahulu. Kemudian, akan diikuti dengan hadith-hadith yang lebih rendah daripada hadith yang paling sahih tersebut mengikut turutan tingkatannya secara terperinci. Hal ini sebagaimana disebutkan dalam kebanyakan karya ulama hadith berkenaan metodologi Imam Muslim.¹³

Imam Muslim ketika menulis kitab sahihnya beliau hanya meletakkan tajuk kitab sahaja dan tidak meletakkan tajuk bab seperti Imam al-Bukhārī yang meletakkan tajuk bab pada setiap hadith yang beliau tulis. Walaupun begitu, Imam Muslim telah menyusun dan mengelompokkan hadith-hadith yang beliau tulis pada bab-bab tertentu tanpa beliau sebutkan nama tajuk bab secara jelas. Perkara ini disebutkan oleh Ibn al-Šalāḥ dalam karyanya *al-Siyānah* seperti berikut:

أَنْ مُسْلِمًا رَحْمَهُ وَرَبَّ كِتَابَهُ عَلَى الْأَبْوَابِ فَهُوَ مُبْوَبٌ فِي الْحَقِيقَةِ وَلَكِنَّهُ لَمْ يَذْكُرْ
فِيهِ تَرَاجِمَ الْأَبْوَابِ لَمَّا يَزْدَادُ بَهَا حَجْمُ الْكِتَابِ أَوْ لِغَيْرِ ذَلِكِ

Terjemahan: Imam Muslim menyusun kitabnya dengan bab-bab, kitab ini pada asalnya mengandungi bab-bab, namun beliau tidak menyebutkan tajuk-tajuknya agar tidak bertambah tebal kitab atau kerana sebab yang lain.¹⁴

Oleh itu, untuk mengetahui perbezaan bab yang dimaksudkan oleh Imam Muslim memerlukan kepada penelitian terhadap perbincangan hadith-hadith sebelum dan selepas.

¹¹ Muslim bin al-Hajjaj, *al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar bi Naql al-'Adl 'an al-'Adl ila Rasulillah SAW*, 1: 7.

¹² 'Āshūr Dīhnī, "Manhaj al-Imām Muslim bin al-Ḥajjāj fī Dhikr al-Akhbār al-Mu'allalah min Khilāl Kitābih al-Musnad al-Şahīh", 122.

¹³ 'Alī 'Abd al-Bāsiṭ Mazīd, *Minhāj al-Muhaddithīn fī al-Qarni al-Awwal al-Hijrī hattā 'Aṣrinā al-Hādir* (t.t.: al-Hay'ah al-Miṣriyyah al-'Āmah li al-Kitāb, t.t.), 287.

¹⁴ 'Uthmān bin 'Abd al-Rahmān Ibn al-Šalāḥ, *Siyānah Şahīh Muslim min al-Ikhlāl wa al-Ghalāt wa Ḥimāyatih min al-Isqat wa al-Saqt*, ed. Mawfiq 'Abd Allāh 'Abd al-Qādir (Beirüt: Dār al-Gharb al-Islāmī, 1408), 1: 103. Lihat juga Muḥammad 'Awwāmah, *Min Manhaj al-Imām Muslim fī 'Araqī al-Ḥadīth al-Mu'allal fī Şahīhihi* 8-9.

Kebiasaan beliau menyusun hadith-hadith dalam sahihnya dengan mendahulukan hadith yang paling sahih adalah sekiranya beliau hendak menerangkan *'illah* yang berlaku pada sanad. Maka, hadith yang tidak sahih akan berada pada akhir bab. Bahkan, susunan beliau akan semakin rendah dan menurun mengikut tingkat kekuatan seseorang perawi dalam setiap sanad.

Contohnya, hadith yang membicarakan berkenaan tidak mencela akan makanan iaitu:

حَلَّنَا يَحْيَى بْنُ يَحْيَى، وَرُهْبَرُ بْنُ حَرْبٍ، وَإِسْحَاقُ بْنُ إِبْرَاهِيمَ، قَالَ رُهْبَرٌ: حَلَّنَا، وَقَالَ الْأَخْرَانِ: أَخْبَرَ جَرِيرٍ، عَنْ الْأَعْمَشِ، عَنْ أَبِي حَازِمٍ، عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، قَالَ: «مَا عَابَ رَسُولُ صَلَّى عَلَيْهِ وَسَلَّمَ طَعَامًا قَطُّ، كَانَ إِذَا اشْتَهَى شَيْئًا أَكَلَهُ، وَإِنْ كَرِهَهُ تَرَكَهُ»

Terjemahan: Yaḥyā bin Yaḥyā, Zuhayr bin Ḥarb dan Iṣḥāq bin Ibrāhīm menceritakan kepada kami, -Zuhayr berkata: Menceritakan kepada kami- dan telah berkata (Yaḥyā dan Iṣḥāq): Jarīr telah menghabarkan kepada kami, daripada al-A'mash, daripada Abū Ḥāzim, daripada Abū Hurayrah, beliau berkata: Rasulullah SAW tidak akan mencela sesuatu makanan sekalipun, sekiranya baginda hendak memakan sesuatu baginda akan memakannya, dan sekiranya baginda enggan memakannya maka baginda akan meninggalkannya.¹⁵

Kemudian pada hadith seterusnya Imam Muslim hanya menyebutkan sanad sahaja dan matannya diisyaratkan dengan lafaz "مثله" yang menunjukkan bahawa matannya adalah hampir sama lafaz dengan hadith sebelum. Sanadnya adalah seperti berikut:

وَحَلَّنَا أَحْمَدُ بْنُ يُونُسَ، حَلَّنَا سُلَيْمَانُ الْأَعْمَشُ، هَذَا الْإِسْنَادُ مِثْلُهُ

Terjemahan: Ahmad bin Yūnus menceritakan kepada kami, (beliau berkata) Zuhayr menceritakan kepada kami, (beliau berkata) Sulaymān al-A'mash menceritakan kepada kami dengan sanad ini sepertinya (seperti matan sebelum).¹⁶

Seterusnya, Imam Muslim datangkan pula hadith dengan sanad yang berbeza lafaz matan tetapi maknanya adalah sama, iaitu:

وَحَلَّنَا عَبْدُ بْنُ حُمَيْدٍ، أَخْبَرَ عَبْدُ الرَّزَّاقِ، وَعَبْدُ الْمَلِكِ بْنُ عَمْرُو، وَعُمَرُ بْنُ سَعْدٍ أَبُو ذَاوِدَ الْحَفَرِيِّ، كُلُّهُمْ عَنْ سُفْيَانَ، عَنْ الْأَعْمَشِ، هَذَا الْإِسْنَادُ نَحْوُهُ

Terjemahan: 'Abd bin Ḥumayd menceritakan kepada kami, (beliau berkata) 'Abd al-Razzāq, 'Abd al-Malik bin 'Amr dan 'Umar bin Sa'd Abū Dāwud al-

¹⁵ Muslim bin al-Ḥajjāj Abū al-Ḥusayn al-Naysābūrī, *al-Musnad al-Ṣaḥīḥ al-Mukhtaṣar bi Naql al-'Adl 'an 'Adl ilā Rasūl Allāh SAW*, 3: 1632.

¹⁶ *Ibid.*

Ḩafarī mengkhabarkan kepada kami, kesemuanya (berkata) daripada Sufyān, daripada al-A'mash dengan sanad ini sepertinya (seakan matan sebelum).¹⁷

Imam Muslim datangkan pula lagi dua hadith terakhir yang masih membincangkan topik yang sama namun dengan lafaz matan yang berbeza dengan hadith tiga awal, iaitu:

حَلَّنَا أَبُو بَكْرٍ بْنُ أَبِي شَيْبَةَ، وَأَبُو كُرَيْبٍ، وَمُحَمَّدُ بْنُ الْمُتَّهَّنِ، وَعَمْرُو النَّاقِدُ، وَاللَّفْظُ
لِأَبِي كُرَيْبٍ، قَالُوا: أَخْبَرَ أَبُو مُعَاوِيَةَ، حَلَّنَا الْأَعْمَشُ، عَنْ أَبِي يَحْيَى، مَوْلَى الْجَعْدَةِ،
عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، قَالَ: «مَا رَأَيْتُ رَسُولَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ وَسَلَّمَ عَابَ طَعَامًا فَقُطُّ، كَانَ
إِذَا اشْتَهَاهُ أَكْلَهُ، وَإِنْ لَمْ يَشْتَهِهِ سَكَتَ»

Terjemahan: Abū Bakr bin Abī Shaybah, Abū Kurayb, Muḥammad bin al-Muthannā dan ‘Amr al-Nāqid menceritakan kepada kami, dan lafaz daripada Abū Kurayb, mereka berkata: Abū Mu’āwiyah mengkhabarkan kepada kami, (beliau berkata) al-A'mash menceritakan kepada kami, daripada Abū Yaḥyā Mawlā Ālī Ja’dah, daripada Abū Hurayrah, beliau berkata: Aku tidak pernah melihat Rasulullah SAW mencela suatu makanan, sekiranya baginda ingin memakannya maka baginda akan memakannya, dan jika baginda tidak ingin memakannya maka baginda akan diam.¹⁸

Selepas itu, Imam Muslim menyebutkan:

وَحَلَّنَا أَبُو كُرَيْبٍ، وَمُحَمَّدُ بْنُ الْمُتَّهَّنِ، قَالَا: حَلَّنَا أَبُو مُعَاوِيَةَ، عَنِ الْأَعْمَشِ، عَنْ أَبِي
حَازِمٍ، عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِعِثْلَهِ

Terjemahan: Abū Kurayb dan Muḥammad bin al-Muthannā telah menceritakan kepada kami, keduanya berkata: Abū Mu’āwiyah menceritakan kepada kami, (beliau berkata) daripada al-A'mash, daripada Abū Ḥāzim, daripada Abū Hurayrah, daripada Nabi SAW dengan hadith yang sama.¹⁹

Madār sanad bagi hadith ini adalah al-A'mash atau nama sebenarnya Sulaymān bin Mihrān. Beliau merupakan seorang yang *thiqah thabit*, para ulama hadith sepakat dalam kethiqahannya.²⁰ Maka, hadith al-A'mash termasuk dalam kategori hadith yang pertama yang dimaksudkan oleh Imam Muslim dalam muqaddimahnya.

Para perawi yang meriwayatkan daripada al-A'mash adalah Jarīr, Zuhayr, Sufyān al-Thawrī, Abū Mu’āwiyah dan mereka adalah tingkatan (*ṭabaqāt*) yang sama dari sudut *hifz*

¹⁷ *Ibid.*

¹⁸ *Ibid.*

¹⁹ *Ibid.*

²⁰ Yūsuf bin ‘Abd al-Raḥmān al-Mizzī, *Tahdhīb al-Kamāl fī Asmā’ al-Rijāl*, ed. Bashhār ‘Awwād Ma’rūf (Beirut: Mu’assasah al-Risālah, 1980), 12: 76.

dengan periwayatan guru mereka serta bermulazamah dengannya. Ibn Abī Khaytham menyebutkan bahawa:

سمعت يحيى بن معين يقول: لم يكن أحد أعلم بحديث الأعمش من سفيان الثوري

Terjemahan: Aku mendengar Yaḥyā bin Ma'īn berkata: Tidak ada seorang pun yang lebih mengetahui hadith al-A'mash berbanding Sufyān al-Thawrī.²¹

Ibn Abī Ḥātim juga berkata:

سمعت أبي يقول: أحفظ أصحاب الأعمش: الثوري

Terjemahan: Aku mendengar ayahku berkata: Murid al-A'mash yang paling *ahfaẓ* (alim dengan hadith-hadith al-A'mash) adalah al-Thawrī.²²

Justeru, untuk melihat keberhasilan metodologi Imam Muslim dalam mengelompokkan perawi-perawi pada tingkatan tertentu, kajian akan memperincikan terlebih dahulu kredibiliti setiap perawi bermula dengan sanad hadith pertama sehingga hadith terakhir. Berikut adalah perincian *jarḥ* dan *ta'dīl* para ulama terhadap setiap perawi di dalam setiap sanad:

Jadual 1.0: Perincian Jarḥ dan Ta'dīl Perawi-perawi dalam Sanad

| Hadith Pertama | | |
|-------------------|--------------|-----------------------|
| Nama Perawi | Tarikh Wafat | Lafaz Jarḥ dan Ta'dīl |
| Yaḥyā bin Yaḥyā | 226H | Thiqah Thabat Imām |
| Zuhayr bin Ḥarb | 234H | Thiqah Thabat |
| Ishāq bin Ibrāhīm | 238H | Thiqah Ḥāfiẓ Mujtahid |
| Jarīr | 188H | Thiqah Ṣahīḥ al-Kitāb |
| Al-A'mash | 147H @ 148H | Thiqah Ḥāfiẓ |
| Abū Ḥāzim | 100H | Thiqah |
| Abū Hurayrah | 57H | Sahabat |
| Nabi Muḥammad SAW | | |
| Hadith Kedua | | |
| Nama Perawi | Tarikh Wafat | Lafaz Jarḥ dan Ta'dīl |
| Aḥmad bin Yūnus | 227H | Thiqah Ḥāfiẓ |

²¹ 'Abd al-Rahmān bin Aḥmad bin Rajab al-Ḥanbalī, *Sharḥ 'Ilal al-Tirmidhī*, ed. Nūr al-Dīn 'Itr (Kaherah: Dār al-Salām, 2014), 2: 529.

²² *Ibid.*, 2: 530.

| | | |
|-------------------------------------|--------------------|--------------------------------------|
| Zuhayr | 172H @ 173H @ 174H | Thiqah Thabat |
| Al-A'mash | 147H @ 148H | Thiqah Hāfiẓ |
| Abū Ḥāzim | 100H | Thiqah |
| Abū Hurayrah | 57H | Sahabat |
| Nabi Muḥammad SAW | | |
| Hadith Ketiga | | |
| Nama Perawi | Tarikh Wafat | Lafaz Jarḥ dan Ta'dīl |
| 'Abd bin Ḥumayd | 249H | Thiqah Hāfiẓ |
| 'Abd al-Razzāq | 211H | Thiqah Hāfiẓ |
| 'Abd al-Malik bin 'Amr | 204H @ 205H | Thiqah |
| 'Amar bin Sa'ad Abū Dāwud Al-Ḥafarī | 203H | Thiqah |
| Sufyān al-Thawrī | 161H | Thiqah Hāfiẓ Faqīh 'Ābid Imām Ḥujjah |
| Al-A'mash | 147H @ 148H | Thiqah Hāfiẓ |
| Abū Ḥāzim | 100H | Thiqah |
| Abū Hurayrah | 57H | Sahabat |
| Nabi Muḥammad SAW | | |
| Hadith Keempat | | |
| Nama Perawi | Tarikh Wafat | Lafaz Jarḥ dan Ta'dīl |
| Abū Bakr bin Abī Shaybah | 235H | Thiqah Hāfiẓ |
| Abū Kurayb | 247H | Thiqah Hāfiẓ |
| Muhammad bin al-Muthannā | 252H | Thiqah Thabat |
| 'Amr al-Nāqid | 232H | Thiqah Hāfiẓ |
| Abū Mu'āwiyyah | 295H | Thiqah |
| Al-A'Mash | 147H @ 148H | Thiqah Hāfiẓ |
| Abū Yahyā | - | Maqbūl |
| Abū Hurayrah | 57H | Sahabat |

| | | |
|--------------------------|--------------|-----------------------|
| Nabi Muḥammad SAW | | |
| Hadith Kelima | | |
| Nama Perawi | Tarikh Wafat | Lafaz Jarḥ dan Ta’dīl |
| Abū Kurayb | 247H | Thiqah Ḥāfiẓ |
| Muhammad bin al-Muthannā | 252H | Thiqah Thabat |
| Abū Mu’āwiyyah | 295H | Thiqah |
| Al-A’Mash | 147H @ 148H | Thiqah Ḥāfiẓ |
| Abū Ḥāzim | 100H | Thiqah |
| Abū Hurayrah | 57H | Sahabat |
| Nabi Muḥammad SAW | | |

Jadual 1.1: Perbandingan Sanad Hadith “Rasulullah Tidak Mencela Makanan”

| MUSLIM BIN AL-HAJJĀJ | Yaḥyā bin Yaḥyā | Zuhayr bin Ḥarb | Ishāq bin Ibrāhīm | Jarīr | Al-A'mash | Abū Ḥāzim | Abū Hurayrah | RASULULLAH SAW |
|----------------------|-----------------|--------------------------|------------------------------------|------------------|-----------|--------------|--------------|----------------|
| | | Aḥmad bin Yūnus | Zuhayr | Al-A'mash | Abū Ḥāzim | Abū Hurayrah | | |
| | 'Abd al-Razzāq | 'Abd al-Malik bin 'Amr | 'Amar bin Sa'd Abū Dāwud Al-Ḥafarī | Sufyān al-Thawrī | Al-A'mash | Abū Ḥāzim | Abū Hurayrah | |
| | Abū Kurayb | Muḥammad bin al-Muthannā | 'Amr al-Nāqid | Abū Mu'āwiyaḥ | Al-A'mash | Abū Yaḥyā | Abū Hurayrah | |
| | | Abū Kurayb | Muḥammad bin al-Muthannā | Abū Mu'āwiyaḥ | Al-A'mash | Abū Ḥāzim | Abū Hurayrah | |
| | | | | | | | | |

Berdasarkan kepada penelitian terhadap sanad di atas, Imam Muslim telah menjelaskan bahawa beliau tidak akan melakukan pengulangan hadith melainkan jika terdapat perkara yang hendak dijelaskan seperti pertambahan (*ziyādah*) atau berlaku pertentangan (*mukhālafah*) pada sanad yang menggambarkan berlakunya kecacatan ('illah) padanya.

Perkara ini penting kerana jika Imam Muslim hanya meletakkan riwayat Jarīr semata-mata dibimbangi riwayat tersebut akan dianggap sebagai *tafarrud*. Hal ini kerana, Jarīr bukan murid al-A'mash yang paling utama sebagaimana yang telah disebutkan sebelum ini.²³ Oleh itu, riwayat Zuhayr didatangkan sebagai penguat kepada riwayat Jarīr kerana diriwayatkan dengan lafaz yang sama. Ini berdasarkan penggunaan kalimah (مثله)²⁴ oleh Imam Muslim ketika mendatangkan riwayat daripada sanad Zuhayr.

Selepas itu, Imam Muslim mendatangkan pula riwayat daripada Sufyān al-Thawrī dan menunjukkan bahawa riwayat tersebut diriwayatkan secara makna (*riwāyah bi al-ma'na*). Beliau mengisyaratkannya dengan menggunakan perkataan (نحوه)²⁵. Sufyān al-Thawrī dianggap murid al-A'mash yang paling terpercaya dalam periwayatan hadith yang bersumber daripada al-A'mash.

Jalur periwayatan Abū Mu'āwiyaḥ daripada al-A'mash adalah bersandarkan kepada perawi bernama Abū Yaḥyā Mawlā Āli Ja'dah. Ini menunjukkan perbezaan dengan jalur periwayatan murid al-A'mash yang lain kerana sandaran mereka adalah daripada Abū Ḥāzim.

²³ *Ibid.*, 2: 530.

²⁴ Penggunaan lafaz "مثله" dalam *Ṣaḥīḥ Muslim* menunjukkan bahawa matanya adalah hampir sama lafaz dengan hadith sebelum.

²⁵ Penggunaan lafaz (نحوه) menunjukkan bahawa riwayat tersebut diriwayatkan secara makna (*riwāyah bi al-ma'na*).

Al-Dāraqutnī memberikan komentar bahawa terdapat kecacatan dalam periyawatan al-A'mash daripada Abū Yahyā tersebut. Ini berdasarkan perbandingan yang dilakukan di antara riwayat Jarīr, Zuhayr dan Sufyān al-Thawrī terhadap riwayat Abū Mu'āwiya daripada al-A'mash yang berbeza antara Abū Ḥāzim dan Abū Yahyā.

Hal ini disokong oleh jalur Abū Mu'āwiya juga daripada al-A'mash daripada Abū Ḥāzim yang disebut selepas daripada jalur Abū Mu'āwiya daripada al-A'mash daripada Abū Yahyā dengan lafaz yang sama. Sebagaimana yang telah disebutkan oleh Imam Muslim bahawa pengulangan hanya akan dilakukan atas beberapa sebab antaranya terdapat pertambahan (*ziyādah*) dan menerangkan kecacatan ('illah) pada sesuatu sanad.²⁶ Justeru, hadith dengan jalur Abū Mu'āwiya daripada al-A'mash daripada Abū Yahyā dianggap bermasalah kerana berlaku *tafarrud* terhadap jalur sanad tersebut.

Penerangan 'Illat Pada Matan Menurut Imam Muslim

Metodologi penerangan hadith ber'illah pada aspek matan menurut Imam Muslim tidak popular dan hampir jarang sekali para ilmuwan hadith yang membincangkan berkenaan aspek ini. Hal ini kerana, kebanyakan daripada ilmuwan hanya memfokuskan kepada teori hadith pertama adalah hadith yang paling sahih di sisi beliau. Bahkan, seringkali disebutkan bahawa metodologi Imam Muslim yang terkenal ialah *Jam' al-Turuq* (mengumpulkan jalur periyawatan), sedangkan tujuan disebalik pengumpulan tersebut jarang disebut dan dibahaskan.

Melalui penelitian yang dilakukan, Imam Muslim ketika hendak menerangkan kecacatan ('illah) pada matan beliau kebiasaannya akan mendahuluikan terlebih dahulu hadith-hadith yang bermasalah atau ber'illah di awal bab (bab di sisi Imam Muslim). Kemudian, barulah disusuli dengan hadith-hadith mengikut tingkatan kualiti yang semakin tinggi. Maka, perkara ini menunjukkan kebijaksanaan dan keanjalan metodologi yang beliau praktikkan ketika menyusun hadith-hadith dalam karya sahihnya.

Perlu ditegaskan bahawa Imam Muslim memang memasukkan hadith-hadith yang *uṣūl saḥīḥah* (hadith utama yang sahih) dan ini merupakan kebanyakan hadith di dalam karya sahihnya. Kemudian, beliau akan mendatangkan hadith-hadith seterusnya sebagai *mutāba'āt* dan *shawāhid*. Imam Muslim mempunyai dua metodologi untuk menerangkan hadith-hadith yang mempunyai kecacatan ('illah).

Metodologi pertama sebagaimana yang telah pengkaji nyatakan pada perbincangan sebelum ini. Metodologi kedua adalah beliau akan menyebutkan terlebih dahulu di awal bab hadith yang terdapat pada matannya kecacatan ('illah) kemudian diikuti dengan hadith-hadith yang sahih. Imam Muslim telah menegaskan perkara ini (iaitu untuk menerangkan *wahm*) dan mengesahkannya di dalam muqaddimah sahihnya. Perkara ini sebagaimana yang telah beliau sebutkan bahawa:

²⁶ Muslim bin al-Ḥajjāj Abū al-Ḥusayn al-Naysābūrī, *al-Musnad al-Ṣaḥīḥ al-Mukhtaṣar bi Naql al-'Adl 'an 'Adl ilā Rasūl Allāh SAW*, 1: 4.

وَسَنِّيْدُ، إِنْ شَاءَ مُتَعَالِي شَرْحًا وَإِيْضَاخًا فِي مَوَاضِعَ مِنَ الْكِتَابِ عِنْدَ ذِكْرِ الْأَخْبَارِ
الْمُعَلَّةِ، إِذَا لَتَّهَا عَلَيْهَا فِي الْأَمَاكِنِ الَّتِي يَلِيقُ بِهَا الشَّرْحُ وَالْإِيْضَاحُ، إِنْ شَاءَ مُتَعَالِي

Terjemahan: Dan *Inshā'Allāh* kami akan menambahkan syarahan dan penerangan pada beberapa tempat di dalam kitab ini ketika hendak menyebutkan tentang hadith-hadith yang mempunyai kecacatan. Apabila sampai pada tempat-tempat yang memerlukan kepada huraihan dan penjelasan, *Inshā'Allāh*.²⁷

Sebagai contoh, adalah hadith berkenaan seorang sahabat yang mempunyai suara yang tinggi (lantang) melebihi suara Nabi SAW. Lafaz hadithnya adalah seperti berikut:

حَلَّتْنَا أَبُو بَكْرٍ بْنُ أَبِي شَيْبَةَ، حَلَّتْنَا الْحَسَنُ بْنُ مُوسَى، حَلَّتْنَا حَمَّادُ بْنُ سَلَمَةَ، عَنْ
بَيْتِ الْبَنَانِيَّةِ، عَنْ أَنَّسٍ بْنِ مَالِكٍ، أَنَّهُ قَالَ لَمَلَّنَزَلْتُ هَذِهِ الْآيَةُ: { لَيْلَهَا الَّذِينَ آمَنُوا
لَا تَرْفَعُوا أَصْوَاتَكُمْ فَوْقَ صَوْتِ النَّبِيِّ } إِلَى آخر الآية، حَلَسَ بَشْتُ بْنُ فَيْسٍ فِي بَيْتِهِ،
وَقَالَ: أَأَ مِنْ أَهْلِ النَّارِ، وَاحْتَبِسْ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَسَأَلَ النَّبِيُّ صَلَّى عَلَيْهِ وَسَلَّمَ سَعْدَ بْنَ مُعَاذَ، فَقَالَ: « أَأَ عَمِّرُو، مَا شَاءَ بَيْتٌ؟ اشْتَكَى؟ » قَالَ سَعْدٌ:
إِنَّهُ بِجَارِي، وَمَا عَلِمْتُ لَهُ بِشَكْوَى، قَالَ: فَأَأَ سَعْدٌ، فَذَكَرَ لَهُ قَوْلَ رَسُولِ صَلَّى عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَقَالَ بَيْتٌ: أُنْزِلْتُ هَذِهِ الْآيَةُ، وَلَقَدْ عَلِمْتُ أَنِّي مِنْ أَرْفَعَكُمْ صَوْتًا عَلَى
رَسُولِ صَلَّى عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَأَأَ مِنْ أَهْلِ النَّارِ، فَذَكَرَ ذَلِكَ سَعْدُ لِلنَّبِيِّ صَلَّى عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَقَالَ رَسُولُ صَلَّى عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: « بَإِنْ هُوَ مِنْ أَهْلِ الْجَنَّةِ »

Terjemahan: Abū Bakr bin Abī Shaybah menceritakan kepada kami, al-Hasan bin Mūsā menceritakan kepada kami, Ḥammād bin Salamah menceritakan kepada kami, daripada Thābit al-Bunānī, daripada Anas bin Mālik, dia menyebutkan bahawa ketika turunnya ayat ini {Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengangkat suara kamu melebihi suara Nabi} sehingga akhir ayat. Thābit bin Qays duduk di rumahnya dan berkata: "Aku daripada kalangan ahli neraka". Beliau menjauhkan diri daripada Nabi SAW. Kemudian, Nabi SAW bertanya kepada Sa'd bin Mu'ādh: Wahai Abu 'Umar, apa keadaan Thābit? sakit?. Sa'd pun menjawab: Aku jirannya dan aku tidak mengetahui bahawa beliau sedang sakit. Lalu Sa'd mendatangi Thābit bin Qays dan menyebutkan pertanyaan Nabi SAW kepadanya. Thābit menjawab: "Diturunkan ayat ini (al-Hujrat ayat 2) dan kalian mengetahui bahawa aku seorang yang mempunyai suara tinggi (lantang) daripada suara Nabi SAW,

²⁷ Muslim bin al-Hajjaj, *al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar bi Naql al-'Adl 'an al-'Adl ila Rasulillah SAW*, ed. oleh Muhammad Fu'ad 'Abd al-Baqi, 1: 7.

maka aku adalah dari kalangan ahli neraka. Lalu Sa'd menyebutkan (dialognya dengan Thābit) kepada Nabi SAW. Lalu Nabi SAW bersabda: "Bahkan dia (Thābit) daripada kalangan ahli syurga".²⁸

Kemudian, Imam Muslim mendatangkan pula jalur riwayat daripada Ja'far bin Sulaymān, iaitu:

وَحَلَّتْنَا قَطْنُ بْنُ نُسَيْرٍ، حَلَّتْنَا جَعْفُرُ بْنُ سُلَيْمَانَ، حَلَّتْنَا بْنَ مَالِكٍ
قَالَ: كَانَ بْنُ قَيْسٍ بْنُ شَمَاسٍ خَطِيبَ الْأَنْصَارِ، فَلَمَّا نَزَّلَتْ هَذِهِ الْآيَةُ بَنَحَوْ
حَدِيثِ حَمَادٍ، وَيَسِّرَ فِي حَدِيثِهِ ذِكْرُ سَعْدِ بْنِ مُعَاذٍ.

Terjemahan: Qaṭan bin Nusayr menceritakan kepada kami, Ja'far bin Sulaymān menceritakan kepada kami, Thābit menceritakan kepada kami, daripada Anas bin Mālik, dia berkata: Bahawa Thābit bin Qays bin Shammās Khaṭīb al-Anṣār, ketika mana turun ayat ini sepertinya (seakan matan sebelum) hadith Ḥammād. Tidak disebutkan pada hadithnya (Ja'far bin Sulaymān) nama Sa'd bin Mu'ādh.²⁹

Seterusnya, beliau datangkan lagi jalur riwayat daripada Sulaymān bin al-Mughīrah seperti berikut:

وَحَدَّثَنَا أَحْمَدُ بْنُ سَعِيدٍ بْنُ صَحْرِ الدَّارِمِيِّ، حَلَّتْنَا سُلَيْمَانُ بْنُ الْمُغِيرَةِ،
عَنْ بْنِ بَيْتٍ، عَنْ أَنَّسٍ، قَالَ: لَمَّا نَزَّلَتْ: {لَا تَرْفَعُوا أَصْوَاتَكُمْ فَرُوقَ صَوْتِ النَّبِيِّ}
[الحجرات: 2]، وَلَمْ يَذْكُرْ سَعْدَ بْنَ مُعَاذٍ، فِي الْحَدِيثِ

Terjemahan: Aḥmad bin Sa'īd bin Ṣahr al-Dārimī menceritakan kepadaku, Ḥabbān menceritakan kepada kami, Sulaymān al-Mughīrah menceritakan kepada kami, daripada Thābit, daripada Anas, beliau berkata: Ketika turun ayat "Janganlah kamu mengangkat suara kamu melebihi suara Nabi" (al-Hujurat: 2). Tidak disebutkan dalam hadith nama Sa'd bin Mu'ādh.³⁰

Akhir sekali, Imam Muslim menyebutkan pula hadith daripada jalur Sulaymān bin Ṭarqān al-Taymī seperti berikut:

وَحَلَّتْنَا هُرَيْمُ بْنُ عَبْدِ الْأَعْلَى الْأَسْدِيِّ، حَلَّتْنَا الْمُعْتَمِرُ بْنُ سُلَيْمَانَ، قَالَ: سَمِعْتُ أَبِي،
يَذْكُرُ عَنْ بْنِ بَيْتٍ، عَنْ أَنَّسٍ، قَالَ: لَمَّا نَزَّلَتْ هَذِهِ الْآيَةُ، وَاقْتَصَّ الْحَدِيثُ، وَلَمْ يَذْكُرْ سَعْدَ
بْنَ مُعَاذٍ، وَرَأَدَ فَكُنَّلَّنَرَاهُ يَمْشِي بَيْنَ أَظْهَرِ رَجُلٍ مِنْ أَهْلِ الْجَنَّةِ

²⁸ Ibid., 1: 110.

²⁹ Ibid.

³⁰ Ibid.

Terjemahan: Huraym bin ‘Abd al-A’lā al-Asadī menceritakan kepada kami, al-Mu’tamir bin Sulaymān menceritakan kepada kami, beliau berkata: Aku mendengar ayahku menyebutkan daripada Thābit, daripada Anas bin Malik, beliau berkata: Ketika turun ayat ini dan menceritakan hadith tersebut. Beliau tidak menyebutkan nama Sa’d bin Mu’ādh, kemudian dia menambahkan (pada hadith) “kami melihat seorang lelaki daripada kalangan ahli syurga sedang berjalan di antara kami”.³¹

Jika diteliti pada kesemua hadith ini madarnya adalah Thābit al-Bunānī. Ḥammād bin Salamah, Ja’far bin Sulaymān, Sulaymān bin al-Mughīrah dan al-Sulaymān bin Ṭarqān al-Taymī kesemuanya mengambil hadith ini daripada Thābit al-Bunānī. Maka dapat disimpulkan bahawa periyatan Ḥammād bin Salamah berbeza dengan periyatan tiga perawi yang lain iaitu Ja’far bin Sulaymān, Sulaymān bin al-Mughīrah dan al-Sulaymān bin Ṭarqān al-Taymī. Hal ini kerana, mereka bertiga tidak menyebutkan nama Sa’d bin Mu’ādh dalam periyatan mereka. Antara tiga perawi berikut terdapat Sulaymān bin al-Mughīrah yang disebutkan oleh Imam al-Bayhaqī dalam karyanya *al-Madkhāl* bahawa:

فَالْيَحْيَى: لِتَبْثُ النَّاسِ فِي بَيْتِ سُلَيْمَانَ يَعْنِي ابْنَ الْمُغَيْرَةِ

Terjemahan: Yaḥyā al-Qaṭṭān menyebutkan bahawa *Athbat al-Nās* (murid yang paling terpercaya) pada (hadith) Thābit ialah Sulaymān iaitu anak al-Mughīrah.³²

Bahkan, para *mufassirīn* menyebutkan bahawa ayat 2 surah al-Hujurat ini turun pada tahun kesembilan hijrah. Setelah diselidiki latar belakang perawi Sa’d bin Mu’ādh, kajian mendapati bahawa Sa’d bin Mu’ādh telah wafat pada tahun kelima hijrah. Hal ini sebagaimana yang telah disebutkan oleh Imam Ibn Kathīr ketika mentafsirkan ayat 2 surah al-Hujurat:

فَهَذِهِ الْطُّرُقُ الْثَّلَاثُ مُعَلَّلَةٌ لِرِوَايَةِ حَمَادٍ بْنِ سَلَمَةَ فِيمَا لَتَفَرَّدَ بِهِ مِنْ ذِكْرِ سَعْدِ بْنِ مَعَاذٍ
رَضِيَ عَنْهُ، وَالصَّحِيحُ أَنَّ حَالَتِنُولُ هَذِهِ الْآيَةَ مُكْنِسَةً بِنَسْخَةِ سَعْدِ بْنِ مَعَاذٍ رَضِيَ عَنْهُ
مَوْجُودًا، لِأَنَّهُ كَانَ قَدْ مَاتَ بَعْدَ بَنِي قَرِيبَةٍ مِنْ قَلَائِلِ سَنَةِ خَمْسٍ، وَهَذِهِ الْآيَةُ تَنَزَّلَتْ
فِي وَقْدٍ بَنِي نَعِيمٍ، وَالْوُفُودُ إِنَّكُمْ تَوَلَّوْهُ فِي سَنَةٍ تَسْعِ مِنَ الْهِجْرَةِ، وَإِنَّمَا أَعْلَمُ.

Terjemahan: Ketiga-tiga jalur periyatan ini (Jalur Ja’far bin Sulaymān, Sulaymān bin al-Mughīrah dan al-Sulaymān bin Ṭarqān al-Taymī) telah menjadi punca ke’illahan periyatan Ḥammād bin Salamah, di mana hanya periyatannya sahaja yang menyebutkan Sa’d bin Mu’ādh. Sebenarnya, ketika turunnya ayat ini Sa’d bin Mu’ādh tidak wujud. Hal ini kerana, beliau telah meninggal dunia selepas peperangan Bani Qurayzah tahun kelima

³¹ *Ibid.*, 1: 111.

³² Ahmad bin al-Ḥusayn Abū Bakr al-Bayhaqī, *al-Madkhāl ilā al-Sunan al-Kubrā*, ed. Muḥammad Ḏiyā’ al-Raḥmān al-A’ẓamī (al-Kuwayt: Dār al-Khulafā’ li al-Kitāb al-Islāmī, t.t), 1: 99.


hijrah. Ayat ini turun pada perwakilan Bani Tamīm dan delegasi tersebut muncul pada tahun ke sembilan hijrah. Allah lebih mengetahui.³³

Justeru, kajian melihat metodologi yang kedua ini jarang dibahaskan oleh pengkaji hadith semasa. Oleh itu, pengkaji membuat kesimpulan bahawa Imam Muslim jika beliau hendak menerangkan ‘illah dalam matan maka hadith yang ber‘illah akan diletakkan di awal bab (bab di sisi Imam Muslim). Kemudian, baru akan didatangkan hadith-hadith yang matannya tidak mempunyai ‘illah.

PERBINCANGAN KAJIAN

Ḩamzah al-Malyabārī antara ulama hadith semasa yang menunjukkan bagaimana praktik Imam Muslim ketika membahaskan hadith Ibnu ‘Umar. Imam Muslim menyebutkan di dalam *Şahīh Muslim* hadith-hadith berkaitan dengan solat di masjid Nabi SAW dengan beberapa periyawatan.³⁴ Berdasarkan keseluruhan jalur periyawatan, hadith-hadith tersebut hanya diriwayatkan oleh tiga orang sahabat iaitu Abū Hurayrah, Ibnu ‘Umar dan Maymūnah. Lebih jelas lagi, setiap jalur periyawatan dapat digambarkan seperti berikut:

Rajah 1.0. Pokok Sanad bagi Jalur Periyawatan Abū Hurayrah




³³ Ismā'il bin ‘Umar bin Kathīr al-Qarashī, *Tafsīr al-Qur’ān al-‘Azīm*, ed. Muḥammad Ḥusayn Shams al-Dīn (Beirūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1419H), 7: 342-343.

³⁴ Muslim bin al-Ḥajjāj Abū al-Ḥusayn al-Naysābūrī, ‘*al-Musnad al-Şahīh al-Mukhtaṣar bi Naql al-‘Adl ‘an ‘Adl ilā Rasūl Allāh SAW*, 2: 1012-1014.

Jika diperhatikan pada rajah sanad di atas, Ḥamzah al-Malyabārī menyebutkan bahawa Imam Muslim mendahuluikan jalur periyawatan daripada Sa'īd bin al-Musayyib berbanding jalur periyawatan 'Abd Allāh bin Ibrāhīm bin Qāriż.³⁵ Hal ini kerana Sa'īd bin al-Musayyib lebih terpercaya (*Awthaq*) berbanding 'Abd Allāh bin Ibrāhīm bin Qāriż. Berkenaan perkara ini dilihat Aḥmad bin 'Alī Manjūyah telah menyebutkan bahawa Sa'īd bin al-Musayyib paling mengetahui hadith-hadith Abū Hurayrah.³⁶

Kemudian, kajian akan beralih pula kepada jalur periyawatan yang bersumberkan daripada Ibn 'Umar dan juga Maymūnah. Berikut adalah lukisan pokok sanad bagi kedua-dua jalur periyawatan:

Rajah 1.1. Pokok Sanad bagi Jalur Periyawatan Ibn 'Umar dan Maymūnah



Berdasarkan kepada pokok sanad di atas, menurut Ḥamzah al-Malyabārī bahawa Imam Muslim hendak mengisyaratkan berlakunya percanggahan dalam periyawatan Nāfi'. Maka, disebabkan faktor percanggahan ini para ulama yang pakar (*nuqqād*) mengkritik hadith Ibn 'Umar kerana lebih hampir dengan kesilapan berbanding riwayat daripada al-Layth bin Sa'ad yang lebih kuat.³⁷ Bahkan, al-Dāraqutnī mengatakan jalur periyawatan daripada Ayyūb, daripada

³⁵ Ḥamzah 'Abd Allāh al-Malyabārī, *Mā Hākadhbā Tūradu Yā Sa'd al-Ibil* (Beirūt: Dār Ibn Ḥazm, 2004), 65.

³⁶ Aḥmad bin 'Alī Manjūyah, *Rijāl Ṣaḥīḥ Muslim*, ed. 'Abd Allāh al-Laythī (Beirut: Dār al-Ma'rifah, 1407), 1: 237.

³⁷ Ḥamzah 'Abd Allāh al-Malyabārī, *Mā Hākadhbā Tūradu Yā Sa'd al-Ibil*, 66.

Nāfi', daripada Ibn 'Umar tidak sahih (*ghayr maḥfūz*).³⁸ Begitu juga al-Bukhārī yang mentarjih riwayat al-Layth bin Sa'ad lebih kuat berbanding riwayat Ibn Jurayj ketika menyebutkan hadith berkenaan kelebihan solat di masjid Nabi SAW.³⁹

Meskipun begitu, masih ada sebahagian ulama yang tidak menerima pandangan yang dilontarkan Ḥamzah al-Malyabārī. Mengapa perbezaan seperti itu berlaku? Kerana para ulama berbeza pendekatan dan metodologi dalam menilai sesuatu hadith. Bahkan, kajian mendapati bahawa perbezaan *ijtihād* seseorang ulama hadith juga akan memberikan kesan berbeza dalam penetapan sesuatu status hadith. Oleh itu, kebiasaannya akan dilihat bahawa sebahagian daripada kalangan ulama hadith akan mensahihkan hadith yang da'if dan menda'ifkan hadith yang sah di sisi ulama hadith yang lain.

Contohnya, al-Bayhāqī beliau merupakan ulama hadith yang hebat namun ketika beliau menyatakan sebab-sebab beliau menulis kitab *Ma'rifah al-Sunan wa al-Āthār*, maka jelas bahawa terdapat faktor yang menyebabkan beliau sering menghentam Abū Ja'far al-Ṭāhāwī. Menurut al-Bayhaqī, Abū Ja'far al-Ṭāhāwī sering melemahkan hadith-hadith yang sah di sisi ulama hadith apabila hadith tersebut tidak seiring dan tidak menyebelahi mazhabnya iaitu mazhab ḥanafī. Lebih parah lagi, Abū Ja'far al-Ṭāhāwī juga kerap mensahihkan hadith-hadith yang lemah di sisi ulama hadith.⁴⁰

Maka pertembungan tersebut terjadi disebabkan faktor metodologi yang lebih melihat kepada kecenderungan mazhab fiqh dalam mensahihkan dan menda'ifkan sesuatu hadith. Tujuan al-Bayhaqī mengarang karya *Ma'rifah al-Sunan wa al-Āthār* adalah untuk mengeluarkan hadith-hadith yang menjadi hujah oleh Imam al-Shāfi'ī sama ada boleh diterima hadith tersebut ataupun tidak boleh diterima.⁴¹ Begitu juga yang berlaku dengan Rabī' al-Madkhalī dan Ḥamzah al-Malyabārī di mana pertembungan yang berlaku di antara mereka adalah disebabkan berbezanya metodologi kritik hadith masing-masing.

Rabī' al-Madkhalī adalah lebih cenderung mengikuti ulama-ulama dalam kalangan *muta'akhirīn*⁴². Oleh itu, beliau lebih banyak mengesyorkan penuntut ilmu untuk menguasai karya-karya mereka. Rabī' al-Madkhalī pernah mengesyorkan kepada pelajar di Mekah untuk membaca karya Imam Ibn Ḥajar al-'Asqalānī iaitu *Nuzhah al-Naṣar* sebagai permulaan. Kemudian, beliau mencadangkan beberapa kitab lain antaranya adalah karya gurunya Shaykh Ḥāfiẓ bin Aḥmad al-Ḥakamī yang berjudul *Dalīl Arbāb al-Falāḥ li Taḥqīq Fann al-Īṣṭilāh*.⁴³ Kedua-

³⁸ Abū al-Ḥasan 'Alī bin 'Umar, *al-'Ilal al-Wāridah fī al-Āḥādīth al-Nabawiyah*, ed. Maḥfūz al-Rahmān Zayn Allāh al-Salāfi (al-Riyāḍ: Dār al-Ṭaybah, 1985), 9: 49.

³⁹ Muḥammad bin Ismā'īl al-Bukhārī, *al-Tārīkh al-Kabīr* (Hayderabad: Dā'irah al-Ma'arif al-'Uthmāniyyah, t.t.), 1: 302.

⁴⁰ Abū Bakr Aḥmad bin al-Ḥusayn al-Bayhaqī, *Ma'rifah al-Sunan wa al-Āthār*, ed. oleh 'Abd al-Mu'tī Amīn Qal'aī (al-Qāhirah: Dār al-Wafā', 1991), 1: 219.

⁴¹ *Ibid.*

⁴² Istilah *muta'akhirīn* merujuk kepada ahli hadith yang berada pada pasca *riwāyah*. Pasca ini kira-kira pada abad kelima hijrah, fokus ahli hadith pada masa itu bukan lagi penapisan riwayat akan tetapi pemeliharaan khazanah hadith yang diwariskan oleh ahli hadith sebelumnya (Umar Muhammad Noor, 2016).

⁴³ Boleh lihat contoh penulisan yang dilakukan oleh Ḥāfiẓ bin Aḥmad bin 'Alī al-Ḥakamī, *Dalīl Arbāb al-Falāḥ li Taḥqīq Fann al-Īṣṭilāh*, ed. oleh Khālid bin Qāsim al-Rādādī (Jeddah: Dār al-Minhāj, t.t.), 5.

duanya adalah daripada kalangan ulama yang menggunakan metodologi *muta'akhirīn* dalam penulisan mereka terhadap ilmu hadith.

Sebaliknya, Ḥamzah al-Malyabārī yang dilihat lebih cenderung kepada metodologi ulama *mutaqaddimīn* dalam menilai sesuatu hadith. Bahkan, beliau antara tokoh popular dalam usaha mengembalikan semula metodologi *mutaqaddimīn* dalam penta'līlān dan pentashihān sesuatu hadith atau aliran ini lebih terkenal dengan nama *Iḥyā' Manhaj al-Mutaqaddimīn*. Disebabkan ini beliau mendapat tentangan hebat daripada Rabī' al-Madkhālī dan pengikut-pengikutnya. Jika diteliti daripada sudut sejarah, penamaan seperti ini belum pernah dilakukan. Meskipun begitu pembaharuan ini merupakan satu bentuk usaha bagi menghidupkan kembali metodologi ahli hadith klasik zaman periwayatan iaitu sebelum abad kelima hijrah.⁴⁴

Menganalisis isu ini dengan lebih terperinci, kajian menyimpulkan bahawa hujah Ḥamzah al-Malyabārī dalam menta'līlān hadith Ibn 'Umar ini adalah lebih kuat dan hampir dengan ketepatan. Hal ini disebabkan Imam Muslim merupakan ulama daripada kalangan *mutaqaddimīn* dan apabila hendak berinteraksi dengan hadith-hadith *Ṣaḥīḥ Muslim* adalah lebih tepat dengan mengkaji dari perspektif serta sudut pandang Imam Muslim. Lebih-lebih lagi beliau meletakkan panduan penulisan beliau dalam muqaddimahnya. Perkara ini terbukti disebutkan secara jelas oleh beliau dalam muqaddimahnya iaitu “*Dan kami akan menambah -insyaAllah-syaran dan penjelasan pada tempat-tempat tertentu dalam kitab ini ketika hendak menyebutkan hadith-hadith yang berillat.*⁴⁵ Bahkan, Ibn Ḥajar al-'Asqalānī menyebutkan bahawa *penilaian dan penelitian para ulama mutaqaddimīn adalah lebih kuat serta penetapan mereka lebih sahih serta mereka lebih terkehadapan dalam perkara ini.*⁴⁶ Kemudian, panduan ini diaplikasikan oleh Ḥamzah al-Malyabārī dalam penulisan-penulisannya berkenaan metodologi Imam Muslim, khususnya dalam '*Abqariyyah al-Imām Muslim fī Tartīb Aḥādīth Musnadihi al-Ṣaḥīḥ*'. Misalnya, pada hadith Ibn 'Umar yang menyebutkan berkenaan kelebihan solat dalam masjid Nabi SAW yang telah dibahaskan di atas. Apabila beliau melihat terlalu banyak hadith-hadith yang dida'ifkan oleh para pakar *mutaqaddimīn* telah disahihkan oleh *muta'akhirīn* begitu juga sebaliknya. Justeru, Ḥamzah al-Malyabārī berasa perlu untuk mengembalikan semula metodologi ulama *mutaqaddimīn* dalam mensahihkan dan menta'līlān hadith-hadith Nabi SAW.

KESIMPULAN

Salah satu metodologi penyusunan hadith-hadith *Ṣaḥīḥ Muslim* yang perlu diberi perhatian ialah Imam Muslim apabila hendak menerangkan 'illah pada matan maka beliau akan mendahulukan yang ber'illah atau bermasalah terlebih dahulu. Kemudian, disusuli dengan hadis-hadis yang lebih kuat. Daripada perbincangan yang telah dibahaskan, hujah yang dikemukakan oleh

⁴⁴ Umar Muhammad Noor, "Aliran Kritik Hadith Semasa: Analisis Metode Kritik Abu Ishaq al-Huwayni, Mahmud Sa'id Mamduh dan Hamzah al-Malyabārī" (tesis kedoktoran, Universiti Malaya, 2018), 77-78.

⁴⁵ Muslim bin al-Hajjaj, *al-Musnad al-Ṣaḥīḥ al-Mukhtaṣar bi Naql al-'Adl 'an al-'Adl ilā Rasūlillāh SAW*, 1: 7.

⁴⁶ Aḥmad bin 'Alī bin Ḥajar al-'Asqalānī, *al-Nukat 'alā Ibn al-Ṣalāh*, ed. Rabī' bin Hādī 'Umayr al-Madkhālī (al-Riyāḍ: Dār al-Rāyah, 1994), 2: 726.

Ḩamzah al-Malyabārī mempunyai logik dan selari dengan kehendak Imam Muslim dalam muqaddimahnya.

Lebih utama, jika metodologi ini dapat diketahui dengan jelas maka sedikit sebanyak akan membantu menjawab persoalan yang timbul dalam kalangan masyarakat yang mengatakan bahawa Imam Muslim meriwayatkan hadith-hadith yang da'if ke dalam sahihnya. Sedangkan, hadith 'uṣūl dalam Ṣaḥīḥ Muslim adalah sahih, manakala hadith-hadith yang dijadikan sokongan (*mutāba'aḥ & shawāhid*) boleh mempunyai pelbagai status sama ada sahih, hasan dan da'if. Oleh itu, memahami metodologi para ulama dalam penulisan mereka begitu penting agar salah faham terhadap penulisan mereka tidak berlaku.

Rujukan

- 'Abd al-Raḥmān bin Aḥmad bin Rajab al-Ḥanbalī, Sharḥ 'Ilal al-Tirmidhī, ed. Nūr al-Dīn 'Itr, Kaherah: Dār al-Salām, 2014.
- Abū al-Hasan 'Alī bin 'Umar, al-'Ilal al-Wāridah fī al-Aḥādīth al-Nabawiyyah, ed. Maḥfūẓ al-Raḥmān Zayn Allāh al-Salafī, al-Riyāḍ: Dār al-Ṭaybah, 1985.
- Abū Bakr Aḥmad bin al-Ḥusayn al-Bayhaqī, Ma'rifah al-Sunan wa al-Āthār, ed. oleh 'Abd al-Mu'tī Amīn Qal'ajī, al-Qāhirah: Dār al-Wafā', 1991.
- Abū Khālid al-Imārātī, "Tarjamah al-Mūjizah li al-Shaykh Ḥamzah al-Malyabārī", laman sesawang Multaqā Ahl al-Ḥadīth, dicapai 31 Mei 2020, <http://www.ahlalhdeeth.com/~ahl/vb/showthread.php?s=a4da12b0cdbe845852eb9c9672915d3d&t=3662>.
- Aḥmad bin al-Ḥusayn Abū Bakr al-Bayhaqī, al-Madkhal ilā al-Sunan al-Kubrā, ed. Muḥammad Diyā' al-Raḥmān al-A'ẓamī, al-Kuwayt: Dār al-Khulafā' li al-Kitāb al-Islāmī, t.t.
- Aḥmad bin 'Alī bin Ḥajar al-'Asqalānī, al-Nukat 'alā Ibn al-Ṣalāḥ, ed. Rabī' bin Hādī 'Umayr al-Madkhalī, al-Riyāḍ: Dār al-Rāyah, 1994.
- Aḥmad bin 'Alī Manjūyah, Rijāl Ṣaḥīḥ Muslim, ed. 'Abd Allāh al-Laythī (Beirut: Dār al-Ma'rifah, 1407), 1: 237.
- 'Alī 'Abd al-Bāsiṭ Mazīd, Minhāj al-Muḥaddithīn fī al-Qarni al-Awwal al-Hijrī hattā 'Aṣrinā al-Ḥādir, t.tp.: al-Hay'ah al-Miṣriyyah al-'Āmah li al-Kitāb, t.t.
- 'Āshūr Dihnī, "Manhaj al-Imām Muslim bin al-Ḥajjāj fī Dhikr al-Akhbār al-Mu'allalah min Khilāl Kitābih al-Musnad al-Ṣaḥīḥ", (disertasi sarjana, Universiti Bātinah, Algeria, 2005).
- Fauzi Deraman, "Metodologi Muḥaddithīn: Suatu Sorotan", *Jurnal Usuluddin* 12 (2000).
- Ḩāfiẓ bin Aḥmad bin 'Alī al-Ḥakamī, Dalīl Arbāb al-Falāḥ li Taḥqīq Fann al-Īṣṭilāḥ, ed. oleh Khālid bin Qāsim al-Radādī, Jeddah: Dār al-Minhāj, t.t.
- Ḩamzah 'Abd Allāh al-Malyabārī, Mā Hākadhbā Tūradu Yā Sa'd al-Ibil, Beirūt: Dār Ibn Ḥazm, 2004.
- Ismā'īl bin 'Umar bin Kathīr al-Qarashī, Tafsīr al-Qur'ān al-'Azīm, ed. Muḥammad Ḥusayn Shams al-Dīn (Beirūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1419H), 7: 342-343.
- Mohd Faiz Hakimi Mat Idris, Ishak Suliaman, Ahmad Zahid Salleh, Sofyuddin Yusof, Abdillah Hisham Abdul Wahab, Mohd A'Tarrahim Mohd Razali & Nor Hafizi Yusof, "Metodologi Imam Muslim dalam Penyusunan Teks Hadith dalam Sahihnya.", *Jurnal Islam dan*

Masyarakat Kontemporeri 10.1 (2015).

Muhammad 'Awwāmah, *Min Manhaj al-Imām Muslim fī 'Araḍi al-Ḥadīth al-Mu'allal fī Ṣahīhihi* (Jeddah: Dār al-Minhāj, 2017), 21-24.

Muhammad bin Ismā'īl al-Bukhārī, *al-Tārīkh al-Kabīr* (Hayderabad: Dā'irah al-Ma'ārif al-'Uthmāniyyah, t.t.), 1: 302.

Muhyi al-Yaḥyā bin Sharaf al-Nawawī, *al-Minhāj Sharḥ Ṣahīḥ Muslim bin al-Ḥajjāj*, Beirūt: Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabī, 1392.

Muslim bin al-Hajjaj, *al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar bi Naql al-'Adl 'an al-'Adl ila Rasulillah SAW*, ed. Muhammad Fu'ad 'Abd al-Baqi, Beirut: Dar Iḥya' al-Turāth al-'Arabī, t.t.

Rohaizan Baru, "Mukhtalif Al-Hadith: Wacana Perbahasan Kontradiksi Hadith", *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporeri*, 1 (2014).

Umar Muhammad Noor, "Aliran Kritik Hadith Semasa: Analisis Metode Kritik Abu Ishaq al-Huwayni, Mahmud Sa'id Mamduh dan Hamzah al-Malyabārī" (tesis kedoktoran, Universiti Malaya, 2018).

'Uthmān bin 'Abd al-Rahmān Ibn al-Ṣalāḥ, *Siyānah Ṣahīḥ Muslim min al-Ikhlāl wa al-Ghalat wa Ḥimāyatih min al-Isqat wa al-Saqt*, ed. Mawfiq 'Abd Allāh 'Abd al-Qādir, Beirūt: Dār al-Gharb al-Islāmī, 1408.

Yūsuf bin 'Abd al-Rahmān al-Mizzī, *Tahdhīb al-Kamāl fī Asmā' al-Rijāl*, ed. Bashhār 'Awwād Ma'rūf, Beirūt: Mu'assasah al-Risālah, 1980.